

KAEDAH DISINFEKSI DAN STERILISASI MASJID/SURAU

1. Bersihkan dan disinfeksi bahagian yang paling mudah dicemari kuman seperti lantai, tombol pintu, pintu masjid, kepala paip, kolam wuduk, pemegang rail ramp, permukaan peti besi derma duit, kerusi solat dan sejadah/karpet solat.
2. Bersihkan dan disinfeksi sekurang-kurangnya sekali sehari menggunakan campuran clorox (sodium hypochloride) pada kepekatan 1000ppm (part per million). Untuk mengelakkan karpet luntur, boleh gunakan mist blower untuk semburan cecair disinfeksi (clorox).
3. Gunakan glove, facemask 3ply atau N95, gown dan boot sewaktu pencucian dilakukan.
4. Basuh tangan sebelum dan selepas melakukan cucian. Pastikan alatan dan pembersihan dibilas dengan air bersih dan dikeringkan.
5. Pembasmian kuman boleh dilakukan menggunakan pembasmi kuman yang terdapat di pasaran. Berikut anggaran campuran larutan;

Alatan	Kekuatan campuran	Anggaran campuran	
Lantai/ tandas/permukaan alatan	0.05%	1 bekas cecair pembasmi kuman dan 99 bekas air*	200 ml cecair pembasmi kuman dan 20 liter air
Baju/mainan/pinggan mangkuk	0.01%	1 bekas cecair pembasmi kuman dan 500 bekas air*	40 ml cecair pembasmi kuman dan 20 liter air

*Penggunaan bekas yang sama untuk mengukur air dan cecair pembasmi kuman.

NASIHAT UMUM UNTUK JEMAAH MASJID/SURAU

1. Elakkan datang bersolat di masjid jika anda mengalami demam, batuk, sakit tekak, anda berhubung secara dekat dengan pesakit covid-19 dan anda baru balik dalam masa 14 hari dari negara yang mempunyai kes covid-19.
2. Elakkan bersalam-salaman. Gunakan kaedah isyarat tangan di dada.
3. Pihak masjid/surau digalakkan menyediakan *hand sanitizer* atau sabun untuk jemaah kerap mencuci tangan.
4. Amalkan sosial distancing (jarakkan diri 1 meter dari jemaah lain) selepas solat dan ketika beriktikaf di masjid/surau.

Sumber: GP COVID-19 Interim 4, KKM.